

**Bahagian A: (10 markah)**

*Berikan perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Adik Sulaiman sangat cerdik.

sombong  
degil  
pandai  
rajin

2. Air sungai itu mengalir dengan deras.

laju  
keruh  
cetek  
tenang

3. Abang kelihatan bertambah segak dengan memakai dasi baru.

kemeja  
tali leher  
tali pinggang  
topi

4. Hati ibu menjadi duka mendengarkan berita itu.

sedih  
marah  
penat  
sakit

5. Kapal itu karam di tengah laut.

berlabuh  
mundur  
belayar  
tenggelam

**Bahagian B: (10 markah)**

*Berikan perkataan yang berlawanan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah.*

1. Badan Asma semakin kurus.

kuat  
tinggi  
gemuk  
lemah

2. Orang kaya itu sangat baik hati.

miskin  
hodoh  
kecil  
murah

3. Budak lelaki itu bukan kawan saya.

datin  
puteri  
adinda  
perempuan

4. Ruang bilik itu agak sempit.

murah  
lapang  
kering  
mampat

5. Seri bercita-cita untuk menjadi seorang biduanita.

usahawan  
banduan  
biduan  
seniman

**Bahagian C: (10 markah)**

*Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap butiran di bawah ini.*

1. Budak nakal itu mengikat anak kucing itu dengan se\_\_\_\_\_ tali.

helai

urat  
utas  
ulas

2. Kakak sedang menulis se\_\_\_\_\_ surat.

helai  
pucuk  
keping  
potong

3. Kakak memakai se\_\_\_\_\_ anting-anting emas.

pasang  
bentuk  
butir  
biji

4. Emak memotong daging dengan menggunakan se\_\_\_\_\_ parang.

keping  
pucuk  
bidang  
bilah

5. Abu membela beberapa \_\_\_\_\_ kambing.

rawan  
ekor  
buah  
naskah

**Bahagian D: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong di bawah ini dengan kata penghubung yang sesuai.*

1. \_\_\_\_\_ hujan turun dengan lebat, Salmah tetap tidak mahu membawa payung.

Sambil  
Walaupun

Kerana  
Sejak

2. Mereka duduk di bawah pokok \_\_\_\_\_ berbual-bual.

walaupun  
atau  
hingga  
sambil

3. Awak bersetuju \_\_\_\_\_ tidak dengan pendapat saya itu?

atau  
dan  
kerana  
jika

4. Adik makan kuih itu \_\_\_\_\_ habis.

jika  
hingga  
dan  
sambil

5. Abang berjumpa doktor \_\_\_\_\_ dia demam.

walaupun  
hingga  
kerana  
atau

**Bahagian E: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong di bawah ini dengan kata penghubung yang sesuai.*

1. **Dia akan bekerja dengan lebih rajin lagi kalau kamu memujinya.**

makan suap  
makan angkat  
makan hati  
makan budi

2. Sekolah itu adalah untuk orang-orang yang tidak tahu membaca dan menulis.

perigi buta  
buta hati  
buta huruf  
membabi buta

3. Datuknya garang; bila marah mukanya merah padam.

macam kera sumbang  
macam tikus hutan  
macam biawak hidup  
macam singa lapar

4. Bapa lebih senang bekerja sendiri daripada bekerja dengan mendapat bayaran.

makan gaji  
makan tidur  
makan angin  
makan curi

5. Semua jiran tidak menyukai perangai lelaki itu kerana dia seorang pemabuk.

kaki ayam  
kaki bangku  
kaki lima  
kaki botol

**Bahagian F : (10 markah)**

*Bubuhkan imbuhan yang sesuai bagi setiap perkataan yang diberi. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.*

Kita (perlu)  makanan yang seimbang. Jika kita tidak (amal)  makanan yang seimbang, kesihatan kita akan (jejas) . Apa yang dimaksudkan sebagai makanan yang seimbang ialah sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan susu. Makanan-makanan ini (kandung)  vitamin yang dapat membantu tubuh badan kita untuk (besar) .

**Bahagian G: (10 markah)**

*Isikan tempat kosong ini dengan kata ganda yang sesuai.*

lauk-pauk	semak-samun	layang-layang
renyai-renyai	pinggan-mangkuk	riuh-rendah

1. Keadaan di pasar itu sungguh .
2. Emak memasak  itu untuk majlis kenduri.
3. Anita sedang mencuci  di dapur.
4. Petang tadi hujan turun dengan .
5. Adik saya suka bermain .

**Bahagian H : (10 markah)**

*Isikan tempat kosong ini dengan sepatah perkataan yang sesuai.*

Pada suatu malam, sedang saya  televisyen bersama keluarga, tiba-tiba  rumah kami diketuk. Saya melihat keluar menerusi corong pintu dan ternampak seorang pemuda sedang berdiri.

Saya membuka  pintu. Pemuda itu kelihatan agak gementar. Pemuda itu memberitahu saya bahawa dia telah  kemalangan jalan raya. Kaki  cedera. Bapa membantu orang itu manakala saya menelefon ambulans.

**Bahagian I : (10 markah)**

*Susun perkataan-perkataan/frasa-frasa ini supaya menjadi ayat-ayat yang sempurna.*

1. pulang / kakak / sekolah / dari / baru / saya

2. itu / ikan siakap / budak / menangkap / lelaki / berjaya / tiga ekor

3. kering / baju / ibu / jemur / yang / tadi / sudah / pagi

4. harus / bertimbang rasa / diri / kita / sifat / menyemai / di dalam / anak-anak kita

5. Salim / atau / tidak tahu / berjumpa / sama ada hendak / kawannya / tidak / dengan

**Bahagian J : (10 markah)**

*Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan di bawah ini.*

Jiran saya ada memelihara seekor anjing. Setiap pagi, semasa hendak ke sekolah, saya akan berlalu di hadapan rumah jiran saya itu. Anjing itu akan menyalak dengan kuat. Pada mulanya saya berasa agak takut tetapi lama-kelamaan saya sudah biasa dengan salakannya itu.

Pada suatu malam, sedang saya dan keluarga tidur, tiba-tiba kami terdengar salakan anjing jiran kami itu. Bapa membuka pintu. Alangkah terkejutnya dia apabila terlihat seorang pencuri sedang cuba memasuki rumah kami.

Melihatkan kehadiran bapa, pencuri itu pun segera beredar. Bapa segera menelefon polis.

1. Apakah yang dipelihara oleh jiran pengarang?

kucing  
angsa  
anjing  
tikus

2. Apakah yang dilakukan oleh haiwan itu setiap kali pengarang lalu di hadapan rumah jirannya?

melompat  
berlari  
menyalak  
merangkak

3. Mengapakah pengarang berasa takut?

kerana haiwan itu suka menggigit pengarang  
kerana haiwan itu sangat garang  
kerana jiran pengarang sangat sombong  
kerana rumah jiran pengarang berhantu

4. Apakah yang berlaku pada suatu malam ketika pengarang sedang tidur?

jiran pengarang menjerit meminta tolong  
seorang pencuri mengetuk pintu jirannya  
pengarang terdengar salakan anjing jirannya  
pengarang telah bermimpi

5. Apabila terlihat bapa tercegat di pintu...

pencuri itu terus masuk ke dalam rumah jirannya.  
pencuri itu pun diterkam oleh anjing itu.  
pencuri itu pun lari.  
pencuri itu pun menyerah diri.